

KESAN PANDEMIK COVID-19 TERHADAP PENCAPAIAN TAHAP AKADEMIK MURID *(IMPLICATIONS OF COVID-19 PANDEMIC ON STUDENTS’ ACADEMIC PERFORMANCE)*

**Siti Hawa Dalila Binti Mohd Shukri
Marzudi Md Yunus**

Jabatan Sosio-Budaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Email: jma180006@siswa.um.edu.my
marzudi@um.edu.my

(Dihantar: 20 Oktober 2021; Diterima: 18 Disember 2021)

Abstrak

Pendidikan merupakan salah satu cabang sosial yang penting dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan munculnya wabak COVID-19 telah menjejaskan keseluruhan institusi pendidikan iaitu kelas tradisional telah digantikan dengan kelas dalam talian. Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini memberikan kesan terhadap tahap penguasaan dan pencapaian akademik murid kerana terdapat pelbagai cabaran dan halangan seperti motivasi murid, masalah akses internet, dan kekurangan bahan belajar. Kajian ini menganalisis apakah tahap pencapaian akademik murid sebelum dan semasa pandemik COVID-19 iaitu ketika kelas secara tradisional, guru – guru memfokuskan proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kepada murid secara “one-to-one” akan tetapi didalam kelas dalam talian guru perlu menyelaraskan proses pengajaran secara sama rata tanpa mengambil kira tahap murid. Kaedah penyelidikan ini menggunakan keadah kuantitatif dan kualitatif iaitu crosstabulation dari Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi mendapatkan kajian bandingan dan kaedah kualitatif yang digunakan adalah pemerhatian dan temubual guru – guru dijalankan untuk mendapatkan keesahan dapatan analisis. Hasil kajian menunjukkan tahap pencapaian akademik murid di dalam kelas dipengaruhi oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran guru manakala peningkatan tahap akademik murid ketika kelas dalam talian disebabkan oleh kemudahan akses internet, dorongan ibu bapa dan motivasi untuk meneroka ilmu baharu menggunakan pendekatan pendidikan abad ke-21 iaitu dengan penggunaan teknologi.

Kata kunci: Pandemik COVID-19, Kajian Perbandingan, Tahap Akademik, Teknologi, Akses Internet, Dorongan

Abstract

Education is one of the most pivotal social aspects in building a prosperous society grounded by Malaysia's National Education Philosophy. The COVID-19 pandemic has tremendously affected the teaching and learning processes in such a manner that traditional lesson delivery that was normally executed in a physical classroom setting had to be replaced with online mode of teaching and learning. This new mode of teaching and learning comes with its own underlying challenges mostly deriving from the decline of student's academic motivation, internet accessibility issues and the scarcity of online learning materials. This research paper analyses student's academic performance prior to and during the COVID-19 pandemic where teachers adopted a student-centric teaching and learning processes, focussing on a "one-to-one" teaching method in a traditional classroom setting. Conversely, teachers had to opt for a more general and one-size-fits-all teaching and learning approach in the delivery of online classes. This research leveraged on both, quantitative and qualitative methods. Crosstabulation from Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) was used as the quantitative method to support the comparative research, while observation as well as interviews were conducted as part of the qualitative method to validate the findings from the analyses made. The research findings have indicated that student's academic performance in traditional classroom setting is influenced by the teaching and learning approach utilized by teachers while students' academic performance through online mode of lesson delivery is attributed to the easy access of the internet, parental motivation and students' personal inclination to acquire knowledge via the means of technology.

Keywords: COVID-19 Pandemic, Comparative Research, Academic Level, Technology, Internet Access, Motivation

1.0 Pengenalan

Apabila dilihat kembali sejarah pendidikan di Malaysia sebelum merdeka, senarionya amat berbeza dengan sistem yang ada pada zaman kini. Sistem pendidikan pada zaman sebelum kemerdekaan banyak berpandukan sistem pentadbiran British. Pihak British pada waktu itu banyak memberi keutamaan kepada pendidikan Melayu dan

Inggeris. Sementara itu, pendidikan Cina dan Tamil dibiarkan berkembang secara bersendirian. Perubahan yang ketara dapat dilihat dalam sistem pendidikan yang telah mengalami evolusi yang sejalan dengan pembangunan dan kemajuan negara ini. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan teras kepada sistem pendidikan di Malaysia sejak 1988. Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah distruktur berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan berlandaskan ideologi kebangsaan yang menerapkan Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Choong, 2008). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah meletakkan kualiti pencapaian akademik pelajar sebagai agenda utama reformasi pendidikan. Sekolah sebagai institusi masyarakat adalah sumber rujukan dan contoh teladan yang baik, Oleh yang demikian, kepimpinan yang berkualiti adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan kumpulan ataupun organisasi seperti sekolah dalam memimpin masyarakat (Abd. Rahim, 2001).

Dalam sistem pendidikan yang formal, sekolah merupakan medium interaksi sosial dan medan sosialisasi budaya. Sekolah adalah satu institusi yang berkait rapat dengan pelajar yang rata-ratanya adalah golongan remaja. Sekolah adalah tempat yang mana pelajar saling berinteraksi sesama pelajar dan antara pelajar dengan guru (Dowse dan Hughes 1971). Pendek kata sekolah merupakan satu tempat yang mengamalkan satu sistem hidup (budaya) secara formal dan eksklusif. Azhar dan Zawawi (2009) menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekaligus beradab. Apabila kita memperihalkan tentang pendidikan dalam pengertian yang luas ruang lingkupnya, sebenarnya kita secara langsung atau secara tidak langsung membicarakan soal perubahan sekaligus membicarakan agenda pembinaan akhlak dan seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka pendidikan itu.

2.0 Sorotan kajian

Penyelidikan dalam bidang pendidikan ini telah banyak dilaksanakan dan dihasilkan oleh ahli-ahli akademik terdahulu tidak kira dari dalam negara mahupun luar negara. Kajian mengenai pembelajaran dalam talian oleh Khairol et al, (2020) bagi mengenal pasti pengetahuan dan pengalaman pelajar universiti serta persepsi mereka mengenai MOOCs Open Learning. Kajian mendapati bahawa terdapat aspek positif dan negatif berdasarkan perspektif pelajar iaitu 13 kod yang dikenalpasti daripada aspek positif antaranya senang digunakan, meningkatkan kemahiran belajar, menjimatkan masa, fleksibel, menyediakan sokongan / sumber pembelajaran dan lain – lain. Dari aspek negative pula terdapat 15 kod antaranya kebolehcapaian internet, kesulitan teknikal, masalah antara muka, sikap negatif pelajar, keberkesanan pengajaran, masalah pembelajaran dan kekurangan penggunaan.

Kekerapan penggunaan platform juga kelihatan agak rendah di kalangan responden di mana majoriti mengatakan bahawa mereka sama sekali tidak menggunakan MOOC, dan kebanyakannya tidak menggunakannya setiap hari. Seperti yang diperhatikan dari kajian ini, kebolehcapaian internet diserlahkan oleh para pelajar sebagai aspek negatif yang menghalang kejayaan penyampaian pendidikan melalui platform MOOC. Kebimbangan mereka termasuk sambungan Internet yang perlahan, masalah pelayan, dan kekurangan akses ke sumber dan alat pembelajaran.

Selain itu, dalam kajian Zaliza dan Zaitul Akma (2013) telah mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 16 orang pelajar telah dipilih

sebagai responden kajian untuk memenuhi objektif kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan juga untuk mengetahui sejauh mana tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Dapatan kajian juga mendapati faktor peranan tenaga pengajar juga menjadi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini didapati faktor persekitaran tidak banyak membantu pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Masyarakat tempatan dilihat kurang selesa bertutur dalam bahasa Melayu dengan mereka. Keseluruhannya, pelajar asing mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya mendapat dorongan dan panduan daripada individu berkaitan.

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) dilakukan mengetahui hubungan antara motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah. Faktor matlamat mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu. Hal ini amat bersesuaian dengan Teori Motivasi Pencapaian McClelland yang menyatakan bahawa motivasi merupakan satu set proses yang memberi tenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan matlamat menjuruskan tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat (Ainon, 2005). Rentetan daripada itu, seseorang yang bermotivasi akan membuat pilihan positif berdasarkan matlamat yang ditetapkan dan beliau yakin bahawa tindakan tersebut adalah bermakna kepadanya dan boleh memuaskan keperluannya. Secara keseluruhannya, faktor gred mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu.

Kajian mengenai pendidikan abad ke-21 oleh Ainun Rahmah et al, (2017) telah mengenal pasti pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran abad ke-21 dapat dikaitkan dengan pelbagai elemen yang diperlukan pada zaman teknologi ini, iaitu meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran sains dan teknologi, kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, kemahiran 3M (membaca, mengira dan menulis), dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian Asyraf dan Norazilawati Abdullah (2016) menjelaskan bahawa Program Sarana Ibu Bapa merupakan inisiatif yang diperkenalkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak di rumah dan juga di sekolah. Kajian dilakukan untuk mengkaji tahap penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak di sekolah dan di rumah serta hubungan di antara elemen penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak di rumah dengan pencapaian anak dalam mata pelajaran sains sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak di sekolah dan juga di sekolah berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen penyediaan suasana pembelajaran di rumah, elemen komunikasi dengan anak serta elemen sokongan terhadap kecemerlangan anak dengan pencapaian anak dalam mata pelajaran sains.

Dalam kajian lalu yang ditulis oleh Rohani, Hazri dan Nordin (2010) melihat hubungan antara dimensi-dimensi guru berkualiti dengan komitmen belajar pelajar didalam bilik darjah. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor peramal terbaik terhadap komitmen belajar pelajar dan untuk mengenal pasti sama ada pemboleh ubah demografi jantina dan latar belakang SSE pelajar mempengaruhi komitmen belajar mereka.

Kajian ini juga menjelaskan bahawa ciri kualiti yang boleh menjadi peramal terbaik kepada komitmen pelajar adalah hubungan guru-pelajar. Guru yang mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar di dalam bilik darjah mampu membantu pelajar untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam proses P&P. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Fredriksen dan Rhodes (2004) bahawa hubungan antara guru dan pelajar boleh memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar dan pencapaian akademik mereka. Analisis kajian telah menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen belajar pelajar. Ini bermakna ciri kualiti yang ada pada guru mempengaruhi komitmen belajar pelajar. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Salleh (2003) dan Hattie (2003) yang juga menyatakan guru sangat berpotensi mengubah sikap dan status pelajar terhadap sesuatu kurikulum.

3.0 Metodologi

Kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mendapatkan analisis data bagi berdasarkan objektif kajian yang dijalankan. Maklumat yang diperolehi membantu dalam menganalisis dapatan dengan menggunakan kaedah Crosstabulation daripada Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) bagi mendapatkan perbandingan tahap pencapaian akademik dan kaedah kualitatif pemerhatian dan temubual semi

struktur bagi mendapatkan maklumat tambahan dari sudut pandang pengkaji dan informan dengan lebih mendalam.

Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif adalah kajian yang menggunakan data dan maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temubual. Manakala kuantitatif menggunakan instrument data yang berbentuk angka yang boleh diukur seperti penggunaan borang soal selidik dan ujian bagi mendapatkan data. Pengkaji melakukan pemerhatian secara ikut serta melalui proses pengajaran dan pembelajaran didalam kelas. Melalui pemerhatian ikut serta, pengkaji dapat melihat dengan lebih dekat dan mengetahui sejauh mana interaksi sosial murid sesama mereka. Bagi tujuan tersebut, penyelidikan menyediakan borang catatan pemerhatian untuk mencatat segala peristiwa semasa proses pemerhatian dilakukan. Pengkaji juga menjalankan pemerhatian secara ikut serta didalam kumpulan atau "group" kelas didalam talian bagi murid-murid yang terlibat dalam kajian. Melalui pemerhatian ini, secara tidak langsung memperlihatkan sejauh mana keterlibatan dan maklumbalas murid apabila kelas dijalankan didalam talian.

Temubual bersama guru subjek teras dijalankan untuk mengetahui pandangan dan pendapat mengenai murid-murid kelas 5 Bestari dan 5 Terbilang kerana guru-guru tersebut menjalankan pengajaran hampir setiap hari untuk seminggu. Menurut Patton (1990) dalam Othman (2009), temubual adalah kerana penyelidik ingin mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Guru merupakan informan yang penting kerana mereka mempunyai pengalaman yang sangat signifikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid – murid di dalam kelas.

4.0 Dapatan kajian

Bahagian ini menjelaskan analisis perbandingan gred matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik berdasarkan keputusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) 1 dan 2 bagi dua buah kelas iaitu kelas 5 Bestari dan 5 Terbilang. Analisis keputusan PBS 1 adalah keputusan murid berdasarkan penilaian guru terhadap murid ketika berlaku pengajaran dan pembelajaran dan keputusan bagi PBS 2 pula adalah penilaian terhadap murid yang merangkumi kelas secara bersua muka dan juga kelas dalam talian.

4.1 Profil Responden

Latar belakang demografi keluarga responden diperolehi daripada borang maklumat murid yang disediakan oleh pihak pengurusan sekolah yang dilakukan pada Januari 2020. Responden yang terlibat merupakan murid-murid 5 Terbilang 2020.

4.1.1 Sektor Pekerjaan

Pekerjaan ibu bapa responden diambil kira sebagai sebagai salah satu item bagi kajian ini kerana jenis pekerjaan seseorang menentukan status ekonomi bagi isi rumah. Berdasarkan Jadual 1, sektor pekerjaan ibu bapa responden dibahagikan kepada empat sektor utama iaitu sektor awam, swasta, bekerja sendiri, dan tidak bekerja. Seramai 65.8% ibubapa responden bekerja di sector swasta, 21.5% pula di merupakan bekerja sendiri. Kategori yang ketiga pula, iaitu sektor awam terdiri daripada 7.6%, seterusnya masing-masing 2.5% tidak bekerja dan tidak dinyatakan pekerjaan mereka. Berdasarkan keputusan tersebut, boleh disimpulkan bahawa majoriti ibu bapa responden bekerja dalam sektor swasta.

Jadual 1: Sektor Pekerjaan Ibu Bapa Murid

Bil	Jenis Sektor Pekerjaan	5 Bestari	5 Terbilang	Jumlah	Peratus
1.	Sektor swasta	26	26	52	65.8
2.	Bekerja sendiri	7	10	17	21.5
3.	Sektor Awam	5	1	6	7.6
4.	Tidak bekerja	0	2	2	2.5
5.	Tidak dinyatakan	1	1	2	2.5
	Jumlah	39	40	79	100.0

4.1.2 Jumlah Pendapatan Iubapa Responden

Berdasarkan kategori jumlah pendapatan bulanan ibu bapa responden, had pendapatan ibu bapa dikategorikan kepada lapan bahagian daripada anggaran minimum RM1000.00 hingga RM8000.00. Kategori berpendapatan RM2001 hingga RM3000.00 pula mencatatkan peratusan sebanyak 30.4%. Seterusnya ibu bapa responden yang mencatatkan jumlah pendapatan RM1001.00 hingga RM2000.00 adalah sebanyak 25.3%.

Kemudian bagi kategori RM3001.00 hingga RM4000.00 dan RM4001.00 hingga RM5000.00, kedua-dua kategori ini mencatatkan jumlah peratus yang iaitu 10.1%. Bagi keluarga yang berpendapatan RM5001.00 hingga RM6000.00 merekodkan peratusan sebanyak 6.3% dan ibu bapa yang mendapat pendapatan bulanan antara RM7001.00 hingga RM8000.00 iaitu sebanyak 5.1%, ibu bapa yang berpendapatan bulanan sebanyak RM6001.00 hingga RM7000.00 dan ibu bapa yang tidak menyatakan jumlah pendapatan bulanan menyumbang kepada 2.5%. Oleh itu,

dapat dirumuskan bahawa jumlah pendapatan bulanan ibu bapa responden adalah diantara RM2001.00 hingga RM3000.00 sebulan.

Jadual 2: Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Responden

Bil	Kategori Jumlah Pendapatan	Jumlah	Peratus
1.	2001-3000	24	30.4
2.	1001-2000	20	25.3
3.	3001-4000	8	10.1
4.	4001-5000	8	10.1
5.	1000 & Kebawah	6	7.6
6.	5001-6000	5	6.3
7.	7001-8000	4	5.1
8.	6001-7000	2	2.5
9.	Tidak dinyatakan	2	2.5
	Jumlah	79	100.0

4.1.3 Jenis Pekerjaan Ibu Bapa Responden

Dalam kajian ini, terdapat pelbagai jenis pekerjaan yang dilakukan oleh ibu bapa responden, namun pengkategorian jenis pekerjaan dibezakan mengikut perkhidmatan yang bersesuaian dengan pekerjaan tersebut. Didapati kebanyakan daripada ibu bapa responden bekerja dalam bidang teknikal iaitu seramai 23 orang yang menyumbang kepada peratusan terbanyak iaitu 29.1% dan ibu bapa yang bekerja sendiri adalah seramai 13 orang iaitu 16.5%. Ibu bapa yang bekerja sebagai pemandu

mendapat peratusan 13.9%. Ibu bapa yang bekerja dalam bidang pengkeranian dan barisan hadapan yang membawa kepada 10.1%. Bagi lain-lain pekerjaan mencatatkan seramai tujuh orang sebanyak 8.9% dan ibu bapa bekerja sebagai pegawai kastam adalah 7.6%. Kemudian responden yang tidak menyatakan jenis pekerjaan ibu bapa mereka seramai lima orang iaitu sebanyak 6.3%. Ibu bapa yang bekerja sebagai penyelia adalah seramai empat orang yang menyumbang kepada 5.1% dan dalam bidang eksekutif, seramai dua orang yang dicatatkan bekerja dalam perkhidmatan berikut iaitu sebanyak 2.5%. Berdasarkan Jadual 3, dirumuskan bahawa latar belakang pekerjaan ibu bapa responden adalah dari bidang teknikal.

Jadual 3: Jenis Pekerjaan Ibu Bapa Responden

Bil	Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
1.	Teknikal	23	29.1
2.	Bekerja Sendiri	13	16.5
3.	Pemandu	11	13.9
4.	Pengkeranian/barisan hadapan	8	10.1
5.	Lain-lain	7	8.9
6.	Pegawai kastam	6	7.6
7.	Tidak dinyatakan	5	6.3
8.	Penyelia	4	5.1
9.	Eksekutif	2	2.5
	Jumlah	79	100.0

4.1.4 Tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu (PBS1) Berdasarkan Sosio Demografi Ibu Bapa

Murid yang mencapai tahap penguasaan sangat terhad, sosio demografi ibu bapa dalam sektor pekerjaan menunjukkan seorang ibu bapa sahaja yang bekerja dalam sektor swasta. Bagi murid yang mencapai tahap penguasaan terhad pula seorang ibu bapa bekerja dalam sektor kerajaan, dua orang ibu bapa tidak bekerja, sepuluh daripada mereka bekerja sendiri dan 24 orang ibu bapa bekerja dalam sektor swasta.

Sosio demografi bagi pendapatan ibu bapa pula menunjukkan seorang ibu bapa berpendapatan RM2001 hingga RM3000 bagi murid yang mencapai tahap penguasaan sangat terhad. Murid yang mencapai tahap terhad pula, dua orang ibu bapa berpendapatan RM5001 hingga RM6000, tiga orang ibu bapa berpendapatan RM3001 hingga RM4000 dan tiga orang juga berpendapatan RM4001 hingga RM5000. Bagi ibu bapa berpendapatan RM1000 dan kebawah adalah seramai empat orang manakala 12 orang ibu bapa berpendapatan RM1001 hingga RM2000 dan 13 orang ibu bapa berpendapatan RM2001 hingga RM3000. Oleh itu, murid yang mencapai tahap penguasaan sangat terhad menunjukkan sosio demografi bagi sektor pekerjaan dan pendapatan ibu adalah sebanyak 1% dan bagi tahap penguasaan terhad pula sebanyak 37 orang iaitu 48% manakala bagi tahap memuaskan adalah seramai 39 orang iaitu 51%.

Jadual 4: Gred Bahasa Melayu Berdasarkan Sosio Demografi Ibu Bapa

Tahap Penguasaan (Gred)	Sektor Pekerjaan				Pendapatan Ibu bapa							Jumlah	%
	Sektor awam	Sektor swasta	Kerjaya sendiri	Tidak bekerja	100 & bawah	101 - 200	201 - 300	301 - 400	401 - 500	501 - 600	701 - 800		
Sangat terhad	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	1
Terhad	1	24	10	2	4	12	13	3	3	2	0	37	48
Memuaskan	5	27	7	0	3	10	7	7	5	3	4	39	51
Peratus												100	

4.1.5 Tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu (PBS 2) berdasarkan sosio demografi ibu bapa

Jadual 5 menunjukkan tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu berdasarkan Penilaian Berasaskan Sekolah 2 dengan sektor pekerjaan dan pendapatan ibu bapa. Tahap penguasaan murid bagi kelas 5 Bestari dan 5 Terbilang adalah memuaskan, baik dan sangat baik. Bagi tahap penguasaan memuaskan, seorang ibu bapa murid bekerja dalam sektor kerajaan, dua orang tidak bekerja, sepuluh orang bekerja sendiri dan 26 orang bekerja dalam sektor swasta. Bagi murid yang mencapai tahap baik pula menunjukkan lima orang ibu bapa bekerja dalam

sektor kerajaan, tujuh bekerja sendiri dan 24 orang bekerja dalam sektor swasta. Bagi tahap penguasaan sangat baik pula hanya dua orang ibu bapa yang bekerja dalam sektor swasta.

Kemudian bagi sosio demografi jumlah pendapatan ibu bapa menunjukkan bagi murid yang mencapai tahap memuaskan terdapat dua orang ibu bapa yang berpendapatan RM5001 hingga RM6000, manakala bagi ibu bapa berpendapatan RM3001 hingga RM4000 dan RM4001 hingga RM5000 pula seramai tiga orang bagi setiap kedua – dua jumlah pendapatan tersebut. Ibu bapa yang berpendapatan RM1000 dan kebawah adalah seramai empat orang dan RM1001 hingga RM2000 seramai 13 orang dan 14 orang ibu bapa berpendapatan RM2001 hingga RM3000. Murid yang mencapai tahap penguasaan baik menunjukkan seramai tiga orang ibu bapa berpendapatan RM1000 dan kebawah dan RM5001 hingga RM6000 diikuti seramai empat orang ibu bapa berpendapatan RM7001 hingga RM8000. Kemudian seramai lima orang ibu bapa berpendapatan RM4001 hingga RM5000 dan enam orang sebanyak RM3001 hingga RM4000 dan tujuh orang berpendapatan RM2001 hingga RM3000 dan lapan orang berpendapatan RM1001 hingga RM2000.

Pendapatan ibu bapa bagi murid yang mencapai tahap penguasaan sangat baik pula adalah seorang ibu bapa berpendapatan RM1001 hingga RM2000 dan seorang ibu bapa berpendapatan RM3001 hingga RM4000. Oleh itu, jumlah murid yang mendapat tahap penguasaan memuaskan adalah seramai 39 orang bersamaan 50.6% dan murid yang mencapai tahap penguasaan baik adalah seramai 36 orang iaitu 48.6% dan bagi murid yang mencapai tahap penguasaan sangat baik adalah dua orang iaitu 2.6%.

Jadual 5: Tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu (PBS 2) berdasarkan sosio demografi ibu bapa

Tahap Penguasaan (Gred)	Sektor Pekerjaan				Pendapatan Ibu bapa							Jumlah	%
	Sektor awam	Sektor swasta	Kerjasama diri	Tidak bekerja	100 & ke bawah	1001 - 2000	2001 - 3000	3001 - 4000	4001 - 5000	5001 - 6000	6001 - 7000		
Memuaskan	1	26	10	2	4	13	14	3	3	2	0	39	50.6
Baik	5	24	7	0	3	8	7	6	5	3	4	36	46.8
Sangat baik	0	2	0	0	0	1	0	1	0	0	0	2	2.6
Peratus												100	


5.0 Analisis Tahap Akademik Ketika Kelas Bersemuka dan Kelas Dalam Talian

Analisis perbandingan gred subjek mengikut kelas dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan analisis perbandingan gred matapelajaran bagi dua kelas berdasarkan sistem pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang menggunakan kaedah SPSS iaitu crosstab. Bahagian kedua adalah analisis perbandingan gred subjek kelas berdasarkan PBS pertama dan kedua.

5.1 Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 dan PBS 2 5 Bestari

Berdasarkan hasil analisis perbandingan gred matapelajaran Bahasa Melayu berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 1 dan 2, terdapat perbezaan ketara bagi keputusan gred yang dicapai oleh murid kelas 5 Bestari. Seperti Jadual 6, tahap penguasaan murid 5 Bestari berada ditahap satu hingga tiga daripada enam tahap penguasaan. Tahap penguasaan satu ialah pencapaian yang sangat terhad, tahap dua adalah terhad dan tahap tiga adalah memuaskan.

Bagi gred matapelajaran Bahasa Melayu PBS 1, kesemua murid kelas 5 Bestari memperolehi pencapaian tahap penguasaan tiga iaitu memuaskan dan tiada murid yang mendapat tahap penguasaan sangat terhad dan terhad. Penurunan tahap penguasaan memuaskan pada PBS 2 adalah sifar berbanding PBS 1 dan seramai 39 orang murid hanya mencapai tahap penguasaan tersebut. Walaubagaimanapun, tahap penguasaan murid-murid 5 Bestari meningkat kepada tahap penguasaan baik dan sangat baik dalam PBS 2 iaitu seramai 37 orang murid mencapai tahap penguasaan baik dan dua orang mencapai tahap penguasaan sangat baik.



Rajah 1: Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 dan PBS 2 5 Bestari

Jadual 6: Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 Dan PBS 2 5 Bestari

Ujian / Tahap	Bilangan murid				
	Sangat terhad	Terhad	Memuaskan	Baik	Sangat baik
PBS 1	0	0	39	0	0
PBS 2	0	0	0	37	2

Tahap penguasaan bagi memuaskan menunjukkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa. Tahap ini dicapai oleh murid-murid apabila mereka mampu untuk melaksanakan tugas tanpa memerlukan bimbingan guru dan boleh mengembangkan idea tanpa sebarang masalah. Menurut Roselan (2003), kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Peningkatan pencapaian murid berdasarkan PBS 2 berada ditahap baik dan sangat baik. Untuk mencapai tahap penguasaan baik, murid-murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa. Menurut De Bono (1976), beliau mengaitkan kemahiran berfikir dengan pemikiran lateral yang

membawa maksud bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah, malahan juga berfikir untuk melihat sesuatu dengan pelbagai perspektif bagi menyelesaikan masalah.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kebanyakan murid 5 Bestari mampu menggunakan kemahiran berfikir terutama dalam penulisan karangan yang memerlukan daya imaginatif yang tinggi apabila mengarang dan membina ayat yang lengkap. Kemahiran berfikir juga membantu murid menyelesaikan masalah bagi Bahasa Melayu Pemahaman yang memerlukan pemikiran kritis bagi mencari jawapan kerana dalam Bahasa Melayu Pemahaman terdiri daripada tatabahasa, simpulan bahasa dan juga pembacaan teks. Menurut Musa (2009), kemahiran berfikir merangkumi pelbagai bentuk kemahiran, seperti kemahiran mengutarakan perkara atau idea baru, asli serta sesuatu yang luar biasa. Terutama ketika berlangsungnya kelas dalam talian, murid-murid dapat mempelajari sesuatu tajuk dengan lebih meluas dengan melayari laman sesawang seperti *youtube* dan *google* untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian membantu murid-murid meluaskan lagi pengalaman dan ilmu pengetahuan sedia ada. Pengaksesan internet banyak membantu murid untuk meneroka input baru melalui sumber multimedia yang terdapat di *Youtube*, *Google*, dan sebagainya. Murid-murid lebih seronok dan gembira mempelajari Bahasa Inggeris sekiranya guru menggunakan bahan yang menarik pancaindera murid dengan aktiviti permainan, permainan video, lagu dan cerita pendek. Buckley dan Smith (2008), menyatakan bahawa untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menyelesaikan masalah, penggunaan simulasi multimedia semasa proses pengajaran dan pembelajaran perlu ditekankan.

Tambahan lagi guru Bahasa Melayu sering memberi peluang dan galakan kepada murid-murid untuk turut serta dalam perkongsian maklumat dan berfikir secara kritis dan kreatif, memberi pendapat serta idea yang bernas dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menambahkan lagi semangat dan motivasi murid untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan Bahasa Melayu. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Zaliza dan Zaitul Akma (2013) bahawa faktor yang memotivasikan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Data menunjukkan 43% pelajar berminat untuk belajar bahasa Melayu disebabkan oleh guru yang mengajar. Teknik penyampaian dan strategi yang digunakan oleh tenaga pengajar mampu menarik minat mereka untuk terus mengikuti pembelajaran.


Peningkatan tahap penguasaan dicapai dengan penggunaan gajet seperti telefon bimbit dan komputer yang membantu murid untuk meneroka ilmu dan memahami Bahasa Melayu dengan lebih efisien. Hal ini disebabkan adanya saluran yang mempunyai input yang mampu menarik perhatian murid seperti video, nyanyian dan juga permainan. Melalui kelas dalam talian, mereka berpeluang mempelajari tajuk yang sukar berulang kali sehingga pemahaman dicapai. Mereka juga dapat belajar di dalam suasana yang selesa, selamat dan tanpa perasaan malu untuk bertanya. Menurut Paul Davies dan Eric Pearce (2000) dalam pengajaran bahasa, komunikasi terbahagi kepada empat kemahiran utama iaitu mendengar, membaca, menulis dan bercakap. Kelas dalam talian membantu murid menggunakan kemahiran mendengar dan membaca yang memerlukan rangsangan menerima dan kemahiran menulis dan bercakap pula merupakan rangsangan kepada murid melaksanakan dalam tugas dengan bimbingan ibu bapa dan juga melalui bantuan penggunaan internet.

Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting ketika dirumah terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian berjalan kerana murid-murid menghabiskan masa mereka hanya dirumah sahaja berbanding disekolah sebelum pandemik. Penglibatan ibu bapa secara terus dalam pendidikan bersama murid-murid dapat meningkatkan tahap akademik murid kerana ibu bapa boleh memantau dan mengawal selia aktiviti pengajaran murid pada setiap hari. Menurut Morrison (1978) pengertian penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa, untuk membantu ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah (Houtenville dan Conway, 2008).

Bertepatan dengan kajian Nurul Ain dan Azizi (2012), hasil kajian mendapati bahawa faktor matlamat merupakan faktor yang paling dominan dalam motivasi intrinsik, manakala faktor gred merupakan faktor yang paling dominan dalam motivasi ekstrinsik. Faktor matlamat mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang pelajar itu. Hal ini kerana motivasi intrinsik diwujudkan secara semula jadi daripada rangsangan dalaman (Azizi dan Jaafar Sidek, 2006). Knollman et al. (2007) pula berpendapat bahawa para ibu bapa boleh membantu mempertingkatkan keupayaan anak-anak dalam menyelesaikan tugas di rumah dengan mengutamakan tugas anak, menunjukkan minat terhadap tugas anak, mengetahui tentang kehendak tugas anak, mengatur masa dan tempat belajar anak dan menyelesaikan tugas, mengawasi tugas harian anak serta menyemak tugas yang telah diselesaikan oleh anak.

5.2 Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 dan PBS 2 5 Terbilang

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan bagi tahap pencapaian akademik murid ketika berlakunya kelas secara tradisional dan kelas dalam talian. Hasil daripada penelitian mendapati bahawa ketika kelas tradisional berlaku, murid-murid lebih mengharapkan bantuan guru – guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan tidak menggunakan potensi diri dalam meningkatkan tahap penguasaan mereka. Akan tetapi, dapatan daripada kelas dalam talian menunjukkan bahawa peningkatan tahap pencapaian akademik mereka disebabkan pendedahan terhadap pengaksesan internet seperti video, *youtube* dan *google*. Kaedah pengajaran yang lebih menyeronokkan membantu dalam penguasaan akademik murid-murid.



Rajah 2: Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 dan PBS 2 5 Terbilang

Jadual 7: Perbandingan Gred Bahasa Melayu PBS 1 dan PBS 2 5 Terbilang

Ujian / Tahap	Bilangan murid				
	Sangat terhad	Terhad	Memuaskan	Baik	Sangat baik
PBS 1	1	38	1	0	0
PBS 2	0	0	40	0	0

Hasil perbandingan keputusan gred matapelajaran diantara PBS 1 dan PBS 2 bagi kelas 5 Terbilang menunjukkan gred Bahasa Melayu bagi PBS 1 majoriti murid-murid mencapai tahap penguasaan terhad iaitu seramai 38 orang murid dan seorang murid berada ditahap penguasaan sangat terhad dan memuaskan. Walaubagaimanapun, berdasarkan keputusan gred Bahasa Melayu PBS 2, kesemua murid-murid iaitu seramai 40 orang murid 5 Terbilang mencapai tahap penguasaan memuaskan dan tiada yang mencapai tahap penguasaan baik dan sangat baik. Tahap penguasaan Bahasa Melayu PBS 1 bagi murid dari kelas 5 Terbilang adalah terhad dan hanya seorang yang menguasai tahap sangat terhad kerana mereka kurang membaca dan mempunyai kesukaran dari sudut mengolah ayat. Kecekapan berbahasa murid tersebut yang sangat lemah dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan juga latihan dalam kemahiran berbahasa. Hal ini kerana terdapat segelintir murid daripada kelas 5 Terbilang adalah bekas murid-murid *Literacy and Numeracy Screening (LINUS)* yang tercicir daripada 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Penggunaan kaedah yang menarik seperti penceritaan, pemodelan dan pengayaan dalam setiap topik menarik minat murid-murid untuk belajar dengan tekun.

Setiap pengajaran dan pembelajaran perlu diterapkan nilai-nilai murni untuk menjadikan murid lebih menghayati dan mengamalkan nilai murni. Perkara ini dikukuhkan dengan kajian Mohamad Khairi (2014) mendapati persepsi pelajar terhadap teknik penerapan nilai murni dalam pengajaran guru menunjukkan hanya dimensi teknik model dan contoh dalam pengajaran guru Bahasa Melayu yang mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan penghayatan nilai murni pelajar. Ini bermakna bahawa semakin tinggi persepsi pelajar terhadap teknik model dan contoh dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, semakin tinggi penghayatan nilai murni pelajar.

Walaupun bagaimanapun, peningkatan tahap penguasaan murid-murid 5 Terbilang dalam PBS 2 agak berbeza dengan keputusan PBS 1. Akan tetapi mereka masih lagi mempunyai masalah aspek sebutan dan juga ejaan terutama dalam bahagian penulisan yang memerlukan mereka untuk menggunakan kemahiran membaca, kemahiran berfikir dan kemahiran kreatif. Akan tetapi, dengan penggunaan alat bantuan mengajar seperti video, latihan pendengaran susunan ayat yang betul melalui bahan daripada internet dan bimbingan ibu bapa ketika proses pengajaran dan pembelajaran di rumah membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan murid – murid. Peningkatan tahap penguasaan murid-murid juga disebabkan penglibatan ibu bapa secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah. Bagi meningkatkan pencapaian murid, ibu bapa perlu berganding bahu dalam memastikan murid sentiasa peka dan fokus dalam melaksanakan aktiviti pengajaran mereka kerana ketika di rumah, ibu bapalah yang menjadi guru kepada mereka. Shaverand dan Walls (1998), Eipstein (2001), menyatakan bahawa kurangnya penglibatan ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak juga boleh memberikan kesan terhadap pencapaian anak-anak.

Tambahan lagi, dengan adanya akses internet mereka mudah untuk mempelajari ejaan, sebutan dan juga susunan ayat dengan betul. Tidak hanya bergantung kepada tugas dan latihan yang diberikan, murid secara tidak langsung dapat mempelajari input baharu dengan lebih mendalam. Bertepatan dengan kajian oleh Ainun et al. (2017) iaitu hasil kajian mendapati bahawa tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang agak memuaskan atau melepasi sasaran sekolah setelah guru Bahasa Melayu menerapkan kemahiran abad ke-21. Ada diantara murid yang memahami dan menulis ayat ringkas yang mudah namun mereka mempunyai masalah untuk memberi tindakbalas yang sewajarnya kerana mereka mempunyai pengetahuan yang terhad dan sukar mengingat perkataan-perkataan baharu. Menurut Gouin (dalam Kern 2000), kebanyakan pelajar yang mempelajari bahasa lazimnya mengetahui kesemua perkataan yang dibaca tetapi tidak memahami perkara yang dibaca walaupun telah mempelajarinya selama beberapa tahun.

6.0 Kesimpulan

Pandemik COVID-19 memberikan impak yang sangat besar dalam kehidupan manusia kini yang menjejaskan keseluruhan institusi sosial tidak kira dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Bidang pendidikan salah satu cabang sosial yang terjejas akibat pandemik ini kerana kesemua institusi pendidikan daripada peringkat rendah mahupun hingga ke peringkat universiti. Proses pengajaran dan pembelajaran bersua muka dihentikan serta merta dan digantikan dengan pembelajaran dalam talian bagi memastikan kelancaran sistem pendidikan bermula Mac 2020. Wabak ini telah menyebabkan wujudnya cabaran dan masalah baru yang dihadapi oleh guru dan

murid apabila semua jenis ujian, peperiksaan standard dan kemasukan sekolah ditangguhkan dan mengubah keseluruhan rancangan pembelajaran.

Menyedari impak wabak ini terhadap institusi pendidikan, secara tidak langsung mempengaruhi tahap akademik dan nilai murni murid. Tahap akademik murid tidak lagi dinilai berdasarkan sistem ujian dan peperiksaan sebaliknya dinilai oleh guru berdasarkan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah iaitu penilaian murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran bersemuka dan dalam talian serta nilai murni mereka. Tahap akademik murid yang dikaji berdasarkan empat subjek teras berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Akademik murid dilihat melalui tahap penguasaan yang dicapai iaitu dari skor sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Tahap penguasaan tidak hanya berfokuskan kepada akademik semata-mata malah nilai murni, adab dan kelakuan murid turut diambil kira dalam pemarkahan penguasaan mereka ketika didalam kelas.

Berdasarkan Jadual 6, gred bagi murid di kelas 5 Bestari menunjukkan perubahan yang ketara bagi matapelajaran Bahasa Melayu iaitu jumlah keseluruhan kelas 5 Bestari seramai 39 orang mendapat gred memuaskan sebelum berlakunya pandemik COVID-19 dan semasa berlangsungnya kelas dalam talian semasa pandemic tersebut, murid-murid menunjukkan peningkatan yang baik iaitu 37 murid mencatatkan gred baik dan dua orang mencapai gred sangat baik. Tahap pencapaian Bahasa Melayu murid-murid dikelas 5 Terbilang sebelum berlakunya pandemik menunjukkan majoriti murid mencapai tahap penguasaan terhad iaitu seramai 38 orang, hanya seorang murid mencapai tahap penguasaan sangat terhad dan

memuaskan akan tetapi berlaku peningkatan semasa kelas dalam talian berjalan iaitu kesemua 40 orang murid 5 Terbilang mencapai tahap penguasaan memuaskan.

Analisis tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu menunjukkan kebanyakan murid – murid mempunyai kemahiran untuk berfikir dan mengembangkan pengetahuan sedia ada walaupun bagaimanapun masih ada sebahagian murid yang tidak dapat menggunakan kemahiran tersebut disebabkan kekurangan pendedahan dari aspek pembacaan. Tidak dinafikan bahawa guru-guru turut memberikan dorongan dan galakan kepada murid untuk meningkatkan pengetahuan mereka kerana bagi matapelajaran yang memerlukan pemikiran yang kritis, murid-murid memerlukan motivasi dan galakan sama ada daripada guru ataupun bantuan daripada rakan sebaya. Seperti Jadual 6, sebahagian besar murid daripada kelas 5 Bestari mencapai skor tahap penguasaan daripada memuaskan kepada baik dan sangat baik. Manakala bagi tahap penguasaan murid – murid 5 Terbilang, hampir keseluruhan murid didalam kelas masih lagi lemah disebabkan mereka lemah dari segi penguasaan bahasa, pembentukan ayat, dan ejaan disebabkan ada diantara mereka adalah murid-murid LINUS. Tambahan lagi, penggunaan bahasa pasar atau bahasa tidak normal menjadi salah satu faktor mengapa murid-murid 5 Terbilang tidak menguasai matapelajaran Bahasa Melayu dengan baik.

Walaupun, tidak dinafikan peningkatan tahap penguasaan matapelajaran Bahasa Melayu (PBS 2) juga dilihat memberangsangkan kerana penggunaan gajet yang sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pihak ibu bapa bagi memudahkan proses pembelajaran dirumah. Berdasarkan kepada Jadual 1, kebanyakan ibu bapa bekerja dari sektor awam hingga ke bekerja sendiri namun bagi murid kelas 5 Bestari tiada ibu bapa yang tidak bekerja.

Ternyata, ibu bapa murid-murid 5 Bestari dan 5 Terbilang mampu menyediakan kemudahan seperti telefon bimbit dan komputer bagi memastikan kelancaran kelas dalam talian semasa pandemik. Ibu bapa yang memperolehi pendapatan yang stabil dan tinggi mampu menyediakan keperluan pendidikan anak-anak bagi mencapai prestasi akademik yang baik dan sentiasa memerhatikan anak-anak mereka agar mendapatkan pembelajaran dan pengajaran yang terbaik. Mereka juga cenderung menyediakan suasana yang kondusif bagi anak-anak agar proses pembelajaran dapat mencapai tahap yang optimum. Orr (2003) menyatakan kekayaan & sokongan keluarga memberi impak yang positif dalam motivasi dan inspirasi di kalangan kanak-kanak sekolah. Modal ekonomi iaitu pendapatan tinggi dan sederhana membantu ibu bapa membeli bahan dan sumber-sumber pendidikan seperti buku, komputer, sekolah swasta, tutor dan lain-lain simbol status.

Rujukan

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd (2005). Panduan Menggunakan Teori Motivasi Di Tempat Kerja. (Cetakan Ketiga). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asyraf Ab Latif dan Norazilawati Abdullah (2016). Penilaian Keberkesanan Program sarana Ibu Bapa Dalam Meningkatkan Pencapaian Murid dalam Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah Dengan Menggunakan Model Penilaian CIPP. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI (Volume 9), 40-52.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2006). Siri Kaunseling: Membentuk Identiti Remaja. (Cetakan Kedua). Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azhar Hj.Wahid dan Zawawi Jahya. (2009). Pendidikan Pembangunan Modal Insan. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Buckley, W. & Smith, A. (2008). Application of Multimedia Technologies to Enhance Distance Learning. Educational of Technology, 55-66.
- Choong, L. K. (2008). Falsafah dan Pendidikan di Malaysia. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Epstein, J. L. (2001). Building Bridges of Home, School, and Community: The Importance of Design. Journal of Education for Students Placed at Risk 6(1&2), 161-168.
- Fredriksen, K & Rhodes, J. (2004). The Role of Teacher Relationships in the Lives of Students. <http://www.interscience.wiley.com/journal/109614153/abstract>. 22 Ogos 2008.

Siti Hawa Dalila Binti Mohd Shukri & Marzudi Md Yunus, "Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pencapaian Tahap Akademik Murid" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 313 – 343

Hattie, J. (2003). Teachers Make a Difference What is the Research Evidence?

www.docstoc.com/docs/2251792/Teachers-Makea-Difference. 15 Januari 2009.

H. Jamil, N. Razak & R. Arbaa. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan

Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61–69.

Kamri, K. A., Syahid, A., Ali, M., Attan, M. N., Azman, K., Suhaimy, M., Azizan, S. N.,

Tun, U., Onn, H., & Selangor, U. (2020). Students' Knowledge and Perceptions About Massive Open Online Courses (MOOCS) Open Learning: Case Study of a Public in Malaysia. 7(19).

Kern, R. (2000). *Literacy and language Teaching*. New York: Oxford University Press.

Knollman M, Wild E (2007) Quality of Parental Support and Students' Emotions During

Homework. Moderating Effects on Students' Motivational Orientations. *European Journal of Psychology of Education* 22, 63-76.

Morrison, G.S. (1978). *Parent Involvement in the Home, School and Community*. Ohio:

Charles E. Merrill Publishing Company.

Mohd Khairi Othman (2014). Hubungan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran

Bahasa Melayu Dengan Penghayatan Nilai Murni Pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 81–92.

Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya

Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5(March), 30–57.

Orr, A. J. (2003). Black-White Differences in Achievement: The Importance of Wealth.

Sociology of Education, 76(4), 281–304. <https://doi.org/10.2307/1519867>

Siti Hawa Dalila Binti Mohd Shukri & Marzudi Md Yunus, "Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pencapaian Tahap Akademik Murid" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 313 – 343

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd Ed), Sage Publications, Inc.

Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Salleh Abd Rashid. 2003. *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran*. Dibentangkan di Seminar Pendidikan MPBL.

Shaverand, A. V. & Walls, R. T. (1998). *Effect of Parental Involvement on Student Reading and Mathematics Achievement*. *Journal of Research and Development in Education* 31(2), 91-97.

Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014). *Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*, *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.